

26 Mar 2019

Kosmo, Malaysia

Author: No author available • Section: Negara • Page: 17 • Printed size: 265.00cm²

Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 6,904.00

Item ID: MY0035507672

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

51 kilang plastik haram masih beroperasi di Selangor

SHAH ALAM - Sebanyak 51 kilang plastik haram dikesan masih ingkar dan terus beroperasi di seluruh Selangor.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Selangor, Ng Sze Han, berkata, situasi itu menyebabkan pihaknya memerlukan kerjasama daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Suruhanjaya Tenaga untuk menyekat bekalan air serta elektrik sebagai langkah efektif bagi mengekang operasi kilang-kilang haram berkenaan.

"Kami sedang berbincang dengan SPAN serta suruhanjaya itu. Kami akan pastikan bekalan air serta elektrik (terhadap kilang-kilang haram) akan dipotong (dalam masa



terdekat)," katanya bagi menjawab soalan tambahan Leong Tuck Chee (DAP-Pandamaran) pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini semalam.

Tuck Chee dalam soalan tambahan bertanya sama ada operasi yang dijalankan kerajaan negeri dalam membanteras kilang plastik haram memerlukan bantuan daripada agensi utiliti untuk menyekat bekalan tenaga dan air kepada kilang berkenaan.

Dalam pada itu, Sze Han berkata, setakat ini, sebanyak 107 kilang plastik haram dikesan beroperasi di Selangor. Sebanyak 99 kilang di-

lagi ditutup sepenuhnya.

Tambahnya, sebanyak 127 kes disiasat Jabatan Alam Sekitar Selangor sejak Julai 2018 hingga Februari lalu. Sejumlah 50 daripadanya disyorkan untuk dihadapkan ke mahkamah manakala enam kes pula didenda sebanyak RM389,000 serta satu hari penjara.

Beliau berkata, satu jawatankuasa tindakan juga telah ditubuhkan untuk bertindak dengan lebih proaktif bagi memantau perkembangan isi kilang haram di negeri berkenaan.

Mengulas lanjut, Sze Han berkata, tiga notis juga telah dikeluarkan terhadap pemilik tanah yang didapati menyalahgunakan tanah mereka dengan membenarkan kilang plastik haram untuk beroperasi. - Bernama



SEBANYAK 51 kilang plastik haram dikesan masih beroperasi di seluruh Selangor. - Gambar hiasan



26 Mar 2019
Kosmo, Malaysia

Author: No author available • Section: Negara • Page: 17 • Printed size: 265.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 6,904.00
Item ID: MY0035507672

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

SUMMARIES

SHAH ALAM - Sebanyak 51 kilang plastik haram dikesan masih ingkar dan terus beroperasi di seluruh Selangor. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baharu Selangor, Ng Sze Han, berkata, situasi itu menyebabkan pihaknya memerlukan kerjasama daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Suruhanjaya Tenaga untuk menyekat bekalan air serta elektrik sebagai langkah efektif bagi mengekang operasi kilang-kilang haram berkenaan."Kami sedang berbincang dengan SPAN serta suruhanjaya itu.